



SIAP SEDIA: Timbalan Pengerusi Bulan Sabit Merah Cawangan Stampin Chew Kim Soon (enam kanan) dan ahli jawatan kuasa Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan mengajak orang ramai menderma darah dan pemeriksaan kesihatan percuma, Sabtu ini.

Kempen derma darah, pemeriksaan kesihatan percuma pada Sabtu ini

KUCHING: Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan dan Bulan Sabit Merah Malaysia Cawangan Stampin akan menganjurkan Kempen Derma Darah dan Pemeriksaan Kesihatan Percuma pada Sabtu ini.

Program tersebut akan bermula dari jam 10 pagi hingga 2 petang di Viva-city Megamall di sini dengan matlamat untuk me-

nyelamatkan nyawa dan mengelakkan kekurangan darah di Tabung Darah, Hospital Umum Sarawak (HUS).

Akan ada beg hadiah untuk diberikan kepada mereka yang hadir menderma darah pada kempen itu nanti.

Selain menderma darah, pemeriksaan kesihatan juga diadakan dengan tujuan

menggalakkan kesihatan dan kesejahteraan yang baik dalam komuniti.

Pemeriksaan meliputi indeks jisim badan, lilitan pinggang, ujian air kencing, glukosa darah, kolestrol, gula dalam darah dan kaunseling oleh Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan.

Untuk pertanyaa, sila hubungi Wendy menerusi talian 019-8182244.